



LAPORAN SEPARUH TAHUN PERTAMA PROJEK GENDER RESPONSIVE AND PARTICIPATORY BUDGETING (GRPB) JANUARI – JUN 2016

DISEDIAKAN OLEH

**PENANG WOMEN'S DEVELOPMENT CORPORATION (PWDC)
PERBADANAN PEMBANGUNAN WANITA PULAU PINANG**

KANDUNGAN

Mukasurat

Pendahuluan

1. Penginstitusian GRPB: Pelan Tindakan Strategik PBT 2016 - 2018
2. Mesyuarat Jawatankuasa GRPB di PBT
 - 2.1 Jawatankuasa Jabatan Perintis Projek GRPB
3. Kajian Kes Jabatan-Jabatan Perintis Projek GRPB 2016
4. Pembangunan Kapasiti
 - 4.1 Bengkel *"Institutionalising GRPB into Local Government Budgeting Processes"*
 - 4.2 Bengkel *'Bajet Berteraskan Outcome Based Budgeting'*
 - 4.3 *Asia-Pacific Regional Seminar in Preparation for the 60th Session of the Commission on the 'Status of Women: Transformative Financing for the Achievement of the Gender Equality by 2030'*
 - 4.4 Bengkel *'Sex-Disaggregated Data for the SDG Indicators in Asia and the Pacific: What and How?'*
5. Projek Penyertaan Rakyat GRPB
 - 5.1 Taman Teluk Indah, Seberang Perai Tengah
 - 5.2 Taman Sri Pinang (Turnkey), Sungai Pinang
 - 5.3 PPR Jalan Sungai, Sungai Pinang
 - 5.4 Machang Bubuk, Bukit Mertajam
6. Penerbitan Program GRPB
 - 6.1 Pelancaran Buku *GRPB: Imperatives For Equitable Public Expenditure* & Pelancaran Video *'Tiga Tahun Perjalanan Projek Perintis GRPB'*
 - 6.2 *Asian Journal of Women's Studies*
7. GRPB di Media

Pasukan Program GRPB

Penasihat Program GRPB
Pasukan Kerja GRPB

Pendahuluan


Pada tahun ini, pihak PWDC-GRPB mengambil langkah proaktif untuk mengemaskini aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah Program *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) yang telah dan sedang dilakukan bersama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPSP) di dalam Laporan Separuh Tahun. Laporan separuh tahun ini akan dihantar dua kali iaitu bagi Laporan Separuh Tahun Pertama: Januari – Jun 2016 dan Laporan Separuh Tahun Kedua: Julai – Disember.

Tujuannya laporan ini dibuat adalah supaya *smart partnership* ini dapat dieratkan lagi di antara jabatan dan agensi Kerajaan Negeri, MBPP dan MPSP dengan PWDC melalui informasi secara langsung mengenai aktiviti yang dijalankan di Kerajaan Negeri khususnya PBT yang kini sedang menjalankan Pelan Tindakan Strategik bagi Proses Penginstitusian GRPB di MBPP dan MPSP 2016 – 2018. Manakala bagi peringkat jabatan atau agensi Kerajaan Negeri, usaha sedang dilakukan untuk menjalankan projek perintis GRPB di jabatan atau agensi yang terpilih.

1. Penginstitusian GRPB: Pelan Tindakan Strategik di PBT Pulau Pinang 2016 - 2018

Penginstitusian GRPB di PBT di bawah Pelan Tindakan Strategik PBT 2016 – 2018 melibatkan tiga aspek utama iaitu:

- struktur dan mekanisme di PBT;
- pusingan bajet iaitu di peringkat formulasi bajet, enakmen, pelaksanaan dan penilaian serta audit. Proses ini juga termasuk kepentingan untuk mengumpul data pecahan jantina (*sex-dissagregated data*); dan juga
- pembinaan kapasiti kepada kakitangan PBT dan pemimpin komuniti dan komuniti mengenai pendekatan dan alatan GRPB.



Pusingan Bajet oleh Rhonda Sharp (2003)

Pihak MBPP dan MPSP telah merangka Pelan Tindakan Strategik bagi Penginstitusian Penginstitusian GRPB 2016 - 2018 di peringkat masing-masing. Pelan tersebut telah diserahkan kepada PWDC yang bertindak sebagai pemantau dan sistem sokongan dalam proses pelaksanaan.


2. Mesyuarat Jawatankuasa GRPB di PBT

Jawatankuasa GRPB adalah merupakan sebahagian daripada struktur yang sedia ada dalam usaha penginstitusian GRPB di MBPP dan MPSP. Terdapat tiga jawatankuasa utama di bawah struktur yang bertindak sebagai jawatankuasa pemantau dan pembuat keputusan yang bertanggungjawab ke atas aktiviti dan perkembangan GRPB di PBT.

Jawatankuasa tersebut adalah Jawatankuasa Pemandu GRPB yang dipengerusikan oleh EXCO Kerajaan Tempatan, YB Chow Kon Yeow yang bersidang sebanyak dua kali setahun. Di peringkat PBT masing-masing terdapat satu Jawatankuasa Kerja GRPB-MBPP dan Jawatankuasa Gender-MPSP yang masing-masing dipengerusikan oleh Datuk Bandar, Dato' Patahiyah Binti Ismail dan Yang DiPertua, Dato' Maimunah Binti Mohd Sharif yang bermesyuarat sebanyak tiga atau empat kali setahun.

Pada tahun 2016, satu lagi peringkat jawatankuasa telah ditambah bagi memastikan kelancaran proses Penginstitusian GRPB di PBT 2016 – 2018. Jawatankuasa yang tersebut adalah Jawatankuasa Jabatan Perintis GRPB dan Jawatankuasa Pegawai Penyelaras GRPB.

Berikut adalah rajah struktur Program GRPB di PBT Pulau Pinang:



Sehingga kini sejumlah empat (4) mesyuarat telah diadakan seperti berikut:

- 1) Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai Penyelaras GRPB-MBPP: 5 April 2016
- 2) Mesyuarat Jawatankuasa Gender-MPSP: 18 April 2016
- 3) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja GRPB-MBPP: 9 Jun 2016
- 4) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu GRPB: 19 Jun 2016

2.1 Jawatankuasa Jabatan Perintis Projek GRPB

Pada suku kedua April – Jun tahun 2016, satu Jawatankuasa Perintis Projek GRPB telah diwujudkan. PWDC bersama kesemua jabatan yang terlibat telah mengadakan beberapa mesyuarat bagi mengenalpasti projek dan membuat perancangan aktiviti yang akan dijalankan mengikut Pelan Tindakan Strategik untuk 2016 .

Antara kriteria yang perlu dipenuhi oleh Jabatan Perintis GRPB adalah:

- menjalankan pendekatan GRPB Model Pulau Pinang dalam projek yang terpilih di bawah Jabatan perintis GRPB;
- melibatkan partisipasi komuniti dengan mengambil kira latarbelakang gender, umur dan etnik; dan
- mengumpul dan menganalisa data yang sedia ada termasuk data pecahan jantina (*sex-disaggregated data*) di setiap jabatan.

Projek yang telah dipilih di bawah Jabatan Perintis MPSP-GRPB adalah seperti berikut:

- Projek Komuniti Program Keselamatan di PPR Ampangan
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta MPSP
- Projek Menaiktaraf Taman Tunku, Seberang Jaya
Jabatan Landskap MPSP
- Projek Kontrak Komuniti Pembersihan (dan Pelancongan) di Pulau Aman
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MPSP
- Projek Menaiktaraf Kompleks Penjaja Lebuhraya 3, Chai Leng Park
Jabatan Pelesenan & Jabatan Kejuruteraan MPSP

Dua mesyuarat Jawatankuasa Jabatan Perintis MPSP telah dijalankan pada 7 April 2016 dan 29 Jun 2016 untuk membuat perancangan bagi melaksanakan aktiviti projek tersebut.

Manakala bagi pihak MBPP pula, pemilihan projek masih di peringkat perbincangan dan akan dikenalpasti pada suku ketiga tahun 2016.

3. Kajian Kes Jabatan-Jabatan Perintis Projek GRPB 2016

Salah satu fokus di dalam pelan tersebut adalah dengan mengadakan jabatan-jabatan di MBPP dan MPSP sebagai perintis dalam melaksanakan GRPB. Proses ini dijalankan secara berperingkat ke atas jabatan-jabatan sehingga semua jabatan terlibat. Sebagai permulaan, jabatan-jabatan perintis bagi melaksanakan GRPB pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

MBPP

- Jabatan Perbendaharaan
- Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- Jabatan Khidmat Perbandaran
- Jabatan Perlesenan
- Jabatan Landskap
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Khidmat Pengurusan

MPSP

- Jabatan Perbendaharaan
- Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- Jabatan Khidmat Perbandaran
- Jabatan Perlesenan
- Jabatan Landskap
- Jabatan Kejuruteraan

Pada suku tahun pertama tahun 2016, aktiviti yang dilakukan oleh Kumpulan PWDC-GRPB adalah dengan melakukan kajian kes ke atas jabatan-jabatan yang dipilih sebagai Jabatan Perintis Projek GRPB 2016.

Tujuan kajian kes adalah sebagai sesi latihan kepada pihak PWDC-GRPB supaya dapat:

- mengenal dan memahami dengan lebih mendalam latarbelakang, objektif dan skop kerja setiap jabatan-jabatan tersebut;
- mengumpul dan menganalisa data yang sedia ada termasuk data pecahan jantina (*sex-disaggregated data*) di setiap jabatan; dan
- menggunakan alat pengukur GRB untuk menganalisa data yang diperolehi bagi mengenalpasti jurang/isu gender dan sosial

Kerjasama yang diberikan oleh semua jabatan yang terlibat sangat menggalakkan. Kajian kes ini telah dijadikan sebagai langkah untuk persiapan Bengkel '*Institutionalising GRPB into Local Government Budgeting Processes*' pada bulan Mac 2016 kepada kakitangan dan ahli majlis MBPP dan MPSP.

4. Pembangunan Kapasiti

Pembangunan kapasiti adalah penting dalam proses penginstitutionan GRPB bagi pegawai dan kakitangan dapat melaksanakan tugas tersebut. Bentuk kapasiti building dapat dilakukan dengan menghadiri konferen, seminar atau bengkel di dalam dan luar negara bagi kakitangan kerajaan dan PBT serta PWDC untuk berkongsi pengalaman sendiri dan belajar mengenai pengalaman negara-negara lain dalam mengamalkan bajet gender dan partisipatori. Di samping itu juga, pihak PWDC dan / atau PBT mengajurkan bengkel-bengkel kemahiran mengenai pendekatan GRPB daripada semasa ke semasa.

4.1 Bengkel "*Institutionalising GRPB into Local Government Budgeting Processes*"

Sebagai persiapan bagi proses penginstitutionan di MBPP dan MPSP, satu bengkel yang bertajuk **Bengkel "*Institutionalising GRPB into Local Government Budgeting Processes*"** pada 30-31 Mac 2016, The Light Hotel, Seberang Jaya. Bengkel tersebut tersebut telah disertai oleh 48 kakitangan MBPP dan MPSP (28 lelaki dan 20 wanita). Kebanyakan peserta

yang hadir ke bengkel tersebut terdiri daripada ketua-ketua jabatan dan kakitangan MBPP dan MPSP yang terlibat di bawah Jabatan Perintis GRPB.

Selain daripada pihak PWDC, seorang pakar GRB dari United Nation – Women (UN Women), Yamini Mishra telah dijemput khas sebagai penceramah untuk bengkel tersebut. Berdasarkan hasil penilaian yang diberikan, majoriti peserta berpendapat bahawa bengkel tersebut mencapai objektif yang diharapkan iaitu untuk memahami kepentingan untuk menggunakan perspektif keadilan gender dan sosial serta penyertaan rakyat dalam membuat perancangan dan bajet tahunan.




Peserta bengkel yang terdiri daripada pegawai MBPP dan MPSP bersama YB Yap Soo Huey dan Cecilia Ng sebagai Ahli Lembaga Pengarah PWDC dan Yamini Mishra, penceramah dari UN Women dan pegawai-pegawai PWDC

Di akhir bengkel tersebut satu senarai strategi (*way forward*) telah dicadangkan oleh para peserta bagi proses penginstitusian GRPB di MBPP dan MPSP. Strategi tersebut termasuk mengadakan: (1) *Template Perancangan Bajet Gender*, (2) *Gender Budget Statement*, (3) *Data Pecahan Jantina (Sex- Disaggregated Data)*; (4) *Alat pengukur GRB - Benefit Incidence Analysis*; dan (5) *Pembinaan kapasiti untuk Pegawai GRPB di Jabatan Perintis GRPB*.

4.2 'Bengkel Bajet Berteraskan *Outcome Based Budgeting*'

Satu bengkel pembangunan kapasiti yang bertajuk 'Bengkel Bajet Berteraskan *Outcome Based Budgeting*' (OBB) untuk kakitangan MBPP telah diadakan pada 13 hingga 15 April 2016 bertempat di Hotel Cititel, George Town. Ini merupakan bengkel ketiga yang diadakan oleh MBPP dengan menjemput Kementerian Kewangan sebagai konsultan. Pihak PWDC berbesar hati kerana telah dijemput untuk bersama-sama untuk mempelajari pendekatan OBB dalam konteks MBPP.



Selaras dengan matlamat tiga tahun Pelan Tindakan Strategik Penginstitusian GRPB di MBPP 2016 - 2018, salah satu daripada **Petunjuk Prestasi Utama** atau **Key Performance Indicators (KPI)** dalam OBB yang perlu menjadi garis panduan MBPP bagi melaksanakan program dan projek adalah dengan memasukkan keadilan gender dan sosial serta proses penyertaan rakyat.

4.3 Asia-Pacific Regional Seminar in Preparation for the 60th Session of the Commission on the Status of Women: Transformative Financing for the Achievement of the Gender Equality by 2030

PWDC telah mendapat jemputan untuk membentangkan GRPB Model Pulau Pinang di *Asia-Pacific Regional Seminar in preparation for CSW 60 "Transformative financing for the achievement of the gender equality by 2030"* yang diadakan pada 18 – 19 Februari 2016 di Pejabat United Nations di Bangkok, Thailand. Seminar tersebut adalah satu platform yang telah membawa berbagai pihak termasuk pakar-pakar dan para pengamal daripada berbagai bidang termasuk akademik, wakil-wakil kerajaan, organisasi awam dan wakil-wakil *United Nations* dan juga organisasi-organisasi lain di rantau Asia-Pasifik dan antarabangsa.

Dr Cecilia Ng, Penasihat GRPB dan Shariza Kamarudin, Pengurus GRPB, telah dijemput ke seminar tersebut. **Dr Cecilia telah membuat pembentangan bagi Sesi 3: Transparency, Accountability and Participation: Fundamentals of Financing** yang bertajuk '*Integrating Gender in Participatory Budgeting Processes: The Experience of Gender Responsive Participatory Budgeting in Penang, Malaysia*'.

4.4 Bengkel 'Sex-Disaggregated Data for the SDG Indicators in Asia and the Pacific: What and How?'

PWDC yang diwakili oleh Penasihat GRPB Dr Cecilia Ng dan Datin Rohana Abdul Ghani bersama Shariza Kamarudin, Pengurus GRPB telah menghadiri bengkel '*Sex-Disaggregated Data for the SDG Indicators in Asia and the Pacific: What and How?*' pada 25-27 Mei 2016, Bangkok, Thailand.

Objektif bengkel tersebut adalah untuk memberi pemahaman mengenai **kepentingan data dan isu-isu statistik dalam mempromosikan keadilan gender dan sosial dalam pelaksanaan Sustainable**



Development Goals (SDG) di rantau Asia-Pasifik dan berkongsi penyelesaian teknikal yang sedia ada untuk mengenalpasti jurang gender dan tujuan penambahbaikan yang perlu dilakukan.

Bengkel ini bertepatan dengan matlamat untuk menginstitusikan GRPB di Pulau Pinang di mana pengumpulan data adalah penting dalam membuat perancangan program dan bajet di PBT dan kerajaan supaya ia mencapai *outcome* yang diinginkan.

5. Projek Penyertaan Rakyat GRPB

Projek Penyertaan Rakyat GRPB adalah bertujuan untuk menggalakkan partisipasi wanita dan lelaki dalam proses membuat keputusan dalam menentukan keperluan dan bajet bagi projek atau program pembangunan awam.

Projek penyertaan rakyat yang sedang dijalankan secara berterusan sejak 2015 adalah di Taman Teluk Indah, Seberang Perai; Taman Sri Pinang, Sungai Pinang; PPR Jalan Sungai, Sungai Pinang; dan Machang Bubuk, Bukit Mertajam.

5.1 Taman Teluk Indah, Seberang Perai Tengah

Projek penyertaan rakyat di Taman Teluk Indah **memfokuskan kepada keperluan untuk meningkatkan tahap kebersihan di flat tersebut yang kini pada tahap yang kritikal**. Projek kerjasama ini adalah di antara PWDC dan YB. Prof. Dr. Ramasamy A/L Palanisamy Timbalan Ketua Menteri 2, bersama dengan Encik Satees Muniandy dan Encik David Marshall, Ahli Majlis MPSP serta JKKK dan Jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body* (JMB)) Flat Taman Teluk Indah. Usaha sedang dijalankan untuk mendapatkan kerjasama penduduk untuk bersama Kerajaan Negeri sebagai rakan kongsi untuk mencari jalan penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah yang dihadapi di tempat tersebut.



Mesyuarat dan lawatan tapak di Taman Teluk Indah

5.2 Taman Sri Pinang (Turnkey), Sungai Pinang

Projek di bawah MBPP ini adalah bertujuan untuk **menaiktaraf dan menghidupkan semula kawasan lot-lot komersial di Taman Sri Pinang supaya kembali ceria dan mendapat perhatian masyarakat setempat.**

Projek ini sedang dalam proses untuk mendapatkan pandangan dan pendapat penduduk kawasan setempat termasuk peniaga dan pembeli di kawasan tersebut. Kakitangan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Benda MBPP termasuk Ahli Majlis MBPP bersama PWDC sedang berusaha untuk mendapatkan penyertaan masyarakat dalam sesi kumpulan tumpu bincang yang akan diadakan kelak.

Kedua-dua projek Taman Teluk Indah dan Taman Sri Pinang telah selesai menjalankan Fasa1 iaitu Banci Penduduk dan laporan telah dihantar kepada pihak YB dan MBPP. Kini persediaan untuk melakukan Kumpulan Tumpu Bincang dengan kumpulan-kumpulan berlainan di komuniti. Hasil daripada perbincangan ini diharapkan dapat memberi idea kepada MBPP untuk melakukan kerja penambahbaikan tempat tersebut.

5.3 PPR Jalan Sungai, Sungai Pinang

Salah satu projek MBPP-GRPB adalah penambahbaikan flat PPR Jalan Sungai, Sungai Pinang untuk menjadikan **Tingkat Bawah Flat Blok A sebagai Unit OKU.**

Projek ini merupakan hasil proses GRPB pada tahun 2012 yang telah dilakukan bersama kumpulan OKU yang tinggal di PPR tersebut. Keperihatinan MBPP melalui Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Benda setelah memperolehi data keperluan penduduk telah memperuntukkan bajet bagi merealisasikan permintaan masyarakat di PPR Jalan Sungai.

Sebelum perlaksanaan projek ini, satu lawatan tapak bersama Dr Tiun Tin Ha, seorang pakar dalam bidang OKU dan juga merupakan Ahli Majlis MPSP telah dilakukan pada tahun 2015. Ia diikuti dengan temubual dengan kumpulan OKU oleh PWDC untuk mendapatkan pandangan mereka.

Sebanyak enam unit rumah di tingkat bawah kini dalam proses perlaksanaan pembinaan unit OKU mengikut spesifikasi *Universal Design*. **Projek ini akan menjadi pertama seumpamanya di Malaysia untuk jenis flat PPR di bawah PBT.**



5.4 Machang Bubuk, Bukit Mertajam

Projek Penyertaan Rakyat “Duit Kita Hak Kita” telah melalui Fasa Undian Penduduk. Pada suku pertama tahun ini, sebanyak tiga daripada 17 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) telah layak ke peringkat akhir untuk meraih RM100,000 yang telah diperuntukkan bagi projek pembangunan rakyat di situ. Projek PPR merupakan projek usahasama yang diterajui oleh YB Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubok) dan YB Steven Sim (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) yang masing-masing telah menyumbang kepada dana tersebut; bersama pihak PWDC, MPSP dan SUARAM Pulau Pinang.

Berdasarkan tiga hari pengundian bermula pada 25 Mac sehingga 27 Mac, projek Pusat Perlancongan Perkampungan Permatang Tinggi oleh JKKK Permatang Tinggi telah berjaya memperoleh undian tertinggi iaitu sebanyak 1,098 undi daripada keseluruhan 2,348 undi (lelaki – 1085; wanita – 1353) sekaligus memenangi peruntukkan RM100,000.



Kini, projek tersebut sedang dalam fasa pelaksanaan di mana perjumpaan dan mesyuarat bersama komuniti dan pihak-pihak berkaitan seperti MPSP dan Pejabat Daerah SPT sedang dilakukan. Projek Pusat Perlancongan Perkampungan Permatang Tinggi yang dijangkakan akan siap pada awal tahun hadapan.

6. Penerbitan Program GRPB

Salah satu cara untuk mempromosikan Program GRPB melalui penerbitan termasuk dokumentasi, risalah, manual, buku, video dan sebagainya. Berikut adalah antara penerbitan Program GRPB dalam separuh tahun pertama tahun ini.

6.1 Pelancaran Pelancaran Buku *GRPB: Imperatives for Equitable Public Expenditure* & Pelancaran Video 'Tiga Tahun Perjalanan Projek Perintis GRPB'

Satu pelancaran Buku *Gender Responsive and Participatory Budgeting: Imperative for Equitable Public Expenditure* dan Video 'Tiga Tahun Perjalanan Projek Perintis GRPB' telah diadakan pada 31 Mac 2016 di The Light Hotel, Seberang Jaya iaitu pada hari kedua Bengkel 'Institutionalising GRPB into Local Government Budgeting Processes'.

Majlis perasmian dimeriahkan dengan kehadiran YB Chow Kon Yeow, YB Chong Eng, YB Afif Bahrudin, Dato' Maimunah Mohd Sharif, Tuan Ir Ang Ing Thye sebagai mewakili Dato' Bandar MBPP dan Ahli-Ahli Majlis serta kakitangan daripada MBPP dan MPSP.



Buku GRPB terbitan tempatan dan antarabangsa



Upacara Pelancaran Video dan Buku GRPB

Buku GRPB adalah koleksi kertas pembentangan daripada Persidangan Serantau Asia yang bertajuk *Gender Responsive Budgeting: Narrative: Transforming Institutions, Empowering Communities* yang diadakan di Pulau Pinang pada 2014. Yang istimewanya adalah penulis bagi *Part III Chapter 8: 'Localizing Gender and Participatory Budgeting: Challenges of Institutionalisation in Penang'* adalah Dato' Patahiyah Ismail dan Dato' Maimunah Mohd Sharif.

Buku ini telah disunting oleh Dr Cecilia Ng iaitu Ahli Lembaga Pengarah PWDC dan Penasihat GRPB yang juga merupakan seorang penyelidik dan advokat tentang isu-isu wanita di Malaysia dan antarabangsa.

Buku yang istimewa ini telah diterbitkan oleh penerbit antarabangsa Springer dan penerbit tempatan Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) pada harga RM38 yang boleh didapati di cawangan kedai buku yang terpilih atau secara *online* di laman Gerak Budaya <http://goo.gl/d43m3V>.

Video Tiga Tahun Perjalanan Projek Perintis GRPB

Video yang bertajuk ‘Tiga Tahun Perjalanan Projek Perintis GRPB’ mengandungi pengalaman PWDC bersama MBPP dan MPSP dalam menjalankan Projek Perintis GRPB di tingkat komuniti pada di sekitar 2012 – 2014. Video tersebut mengandungi pandangan dan perkongsian komuniti – wanita dan lelaki, mengenai pengalaman mereka di bawah projek tersebut di tempat masing-masing.

Dalam video juga terkandung aspirasi pucuk pimpinan kerajaan negeri bersama MBPP dan MPSP iaitu YB Chow Kon Yeow, YB Chong Eng, Dato’ Patahiyah Ismail, dan Dato’ Maimunah Mohd Sharif yang menyokong penuh usaha dan *smart partnership* yang diterjui oleh PWDC di bawah Program GRPB.

Majlis pelancaran ini turut menyambut Majlis Penutupan Hari Wanita Sedunia 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang bertemakan “Bersama Jaminkan Kesaksamaan” (*Pledge for Parity*).



Suasana sekitar Pelancaran Buku Video dan GRPB
serta Majlis Penutupan Hari Wanita Sedunia 2016 Peringkat Negeri pulau Pinang

6.2 Asian Journal of Women's Studies

Satu tulisan telah diterbitkan dalam *Asian Journal of Women's Studies* (Vol. 22, No. 2, 174–180) di bahagian *Voices from Asian Feminist Activism* yang bertajuk ‘*Personal journey of development through the Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) Project, Penang*’.

Asian Journal of Women's Studies, 2016
Vol. 22, No. 2, 174–180, <http://dx.doi.org/10.1080/12259276.2016.1168154>

VOICES FROM ASIAN FEMINIST ACTIVISM **Personal journey of development through the Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) project, Penang**

Nur Hazwani HUSIN*

The main focus of this paper is women's empowerment in the context of the Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) Project in Penang, Malaysia. It includes a critical reflection on my own learning process regarding my personal improvement and empowerment in terms of expanding my knowledge and understanding of gender equality. This is then related to my commitment to the community via the GRPB project. Problems, limitations, and challenges in terms of achieving women's empowerment are also addressed, taking into consideration the experience I gathered through various personal and community contexts.¹

Keywords: gender equality; Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB); women's empowerment

Introduction

Malaysia is unique in the community of nations for its combination of diverse people and cultures who live in harmony; it has become a model for many societies. In contemporary Malaysia, Islam as a religion is followed by the majority of the population. I come from a modest family background and

Artikel ini telah ditulis dan dibentangkan oleh Nurhazwani Husin, Pegawai Projek GRPB yang telah terpilih untuk mengikuti *9th Ewha Global Empowerment Programme (EGEP)*¹ pada Januari 2016. Artikel tersebut telah dilampirkan bersama laporan ini dan boleh juga diperolehi melalui laman di <http://goo.gl/vdRoQG>

7 GRPB Di Media

Berikut adalah di antara media yang membuat liputan mengenai Program GRPB.

Januari

- The Malaysian Insider – 7 Januari
- Malaysiakini – 8 Januari
- Sin Chew – 8 Januari
- Makkal Osai – 10 Januari
- Buletin Mutiara – 16-31 Januari

Mac

- Malaysiakini (Chinese section) – 24 Mac
- China Press – 28 Mac
- Kwong Wah Yit Poh – 30 Mac
- Sin Chew Jit Poh – 30 Mac

April

- Kwong Wah Yit Poh – 1 April
- The Star Metro – 1 April

Jun

- Malaysiakini, 22 Jun
- Roketkini.com – 22 Jun
- Oriental daily News, 10 Julai
- Buletin Mutiara – 16-30 Jun

Kami berharap laporan ini telah memberi maklumat jelas tentang Program GRP. Sekiranya ingin maklumat lanjut, sila hubungi kami di PWDC.

Sekian.

Salam hormat,

Shariza Kamarudin

Pengurus GRPB, PWDC

Level 47, KOMTAR, 10503, Pulau Pinang, Malaysia

Tel : +604-261 2835 / 5261 Fax : +604-261 5261

Email : shariza.kamarudin@pwdc.org.my

Website : www.pwdc.org.my

'Realising Equality Together'

5 AUGUST 2016

¹ <http://egep.ewha.ac.kr/>



Program GRPB

Penasihat Program GRPB:



Dr Cecilia Ng Choon Sim
Ahli Lembaga Pengarah
PWDC (2012 – Mac 2016)
dan Penasihat GRPB (2012 -
Mei 2016)



Datin Rohana Abdul Ghani
Ahli Lembaga Pengarah PWDC
dan Penasihat GRPB (Januari 2016
sehingga sekarang)

Pasukan Kerja Program GRPB:

- **Shariza Kamarudin**, Pengurus Program GRPB
- **Mohd Hafizan Mazuki**, Pegawai Projek Kanan GRPB
- **Mohd Yusri Yaacob**, Pegawai Projek GRPB
- **Nur Hazwani Husin**, Pegawai Projek GRPB
- **Nurul Fatin Fakhriah Zulfahmi**, Pegawai Projek GRPB



.....